

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN
JUL 2006

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan

oleh :

MERDUWATI BINTI ISHAK

2003356920

bertajuk

LAPORAN CADANGAN
REKABENTUK DALAMAN
LAMBRETTA CAFÉ DI LOT PT690, SEKSYEN 57,
LORONG PERAK, KUALA LUMPUR
UNTUK KELAB LAMBRETTA SELANGOR

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi

Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia : En. Othman Bin Hassan

Koordinator : Cik Mawar Binti Masri

Koordinator Program : Prof. Madya. Rusni Abdul Ghani @ Abdul Rani .

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ISI KANDUNGAN	iii-vii

ISI KANDUNGAN	MUKASURAT
----------------------	------------------

BAB 1.0 PENGENALAN

1.1	PENDAHULUAN	1
	1.1.1 MATLAMAT	
	1.1.2 OBJEKTIF	
	1.1.3 METODOLOGI KAJIAN	
	1.1.4 SKOP KAJIAN	
	1.1.5 OBJEKTIF KAJIAN	
1.2	KLIEN	11
	1.2.1 LATAR BELAKANG	
	1.2.2 MATLAMAT KLIEN	
	1.2.3 OBJEKTIF KLIEN	
	1.2.4 CARTA ORGANISASI	
1.3	TEORITIKAL	17
	1.3.1 DEFINISI KAFE	
	1.3.2 KEPERLUAN RUANG	
	1.3.3 ANTROPOMETRIK DAN ERGONOMIK	

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi, akhirnya saya dapat menyiapkan laporan projek akhir bagi kursus Diploma Rekabentuk Dalaman di Universiti Teknologi Mara, Kampus Seri Iskandar, Perak, mengikut tempoh yang ditetapkan.

Dalam menyiapkan laporan akhir ini, banyak pihak telah terlibat dalam membantu saya memudahkan kerja untuk dijalankan. Justeru itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang terlibat terutamanya kepada ibu saya, serta ahli keluarga saya, yang banyak memberi dorongan dan semangat kepada saya. Juga kepada pensyarah En. Othman Bin Hassan selaku penyelia bagi laporan projek akhir saya yang banyak memberi tunjuk ajar dan panduan. Ucapan terima kasih juga kepada Cik Mawar Masri selaku koordinator The386 serta pensyarah-pensyarah bagi kursus Rekabentuk Dalaman Semester 6 terutamanya En. Nordin Misnat, Pn Siti Norsazlina, Pn. Ramlah Awi, En. Azizul Azli dan Pn. Ruzana yang banyak membantu dan memberi pendapat berkenaan projek. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang bersama-sama dalam berkongsi pandangan dan idea terhadap projek akhir saya. Dan akhir sekali kepada klien saya, Kelab Lambretta Selangor terutama kepada En. Mohd Najib Mohd Zin selaku AJK kelab yang sudi memberi kerjasama sepanjang saya menjalankan kajian akhir saya.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara keseluruhannya samada secara langsung atau tidak langsung dalam tempoh pelaksanaan laporan akhir ini. Diharap laporan akhir ini dapat memenuhi kriteria-kriteria yang diperlukan serta dapat memberi manfaat sebagai sumber rujukan yang lengkap.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Projek ini merupakan cadangan merekabentuk ruang dalaman Lambretta Cafe yang terletak di Lot Pt690, Seksyen 57, Lorong Perak, Kuala Lumpur. Pemilihan pelaksanaan projek ini adalah berdasarkan keprihatinan saya terhadap produk serta gaya hidup klasik. Saya telah memilih untuk membuat sebuah kafe yang juga berfungsi sebagai pusat berkumpul untuk golongan sasaran saya iaitu pencinta skuter klasik. Skuter keluaran Lambretta sebagai aset penting dalam projek ini kerana ianya merupakan antara skuter terawal dan paling diminati. Sebagai penyumbang kepada usaha mengembalikan zaman kegemilangan skuter klasik Lambretta ini, kewujudan Kafe Lambretta dapat dijadikan pusat berkumpul bagi pemilik dan peminat skuter klasik terutamanya Lambretta serta menarik peminat serta ahli kelab untuk bertukar-tukar idea dan berhibur. Secara tidak langsung, ini memupuk minat terhadap gaya hidup pada zaman kegemilangan skuter Lambretta serta dapat memperkenalkan skuter Lambretta kepada generasi baru. Beberapa kajian telah dilakukan untuk menjalankan projek ini iaitu melalui kajian 'precedent', rujukan, kajian kes, kajian tapak, dan kajian bangunan. Kajian ini akan merangkumi kriteria-kriteria yang diperlukan untuk merekabentuk sebuah kafe yang dapat menonjolkan imej yang bersesuaian dengan tema yang akan mengimbas kepada era serta gaya hidup klasik. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat yang secukupnya berkenaan dengan projek, serta membuat perbandingan diantara kajian-kajian lain yang telah dibuat. Objektif projek ini adalah untuk mewujudkan satu rekabentuk kafe yang mampu menarik minat pelbagai lapisan masyarakat terutamanya golongan muda bagi menerapkan nilai menghargai barangan klasik dan mengenali gaya hidup era klasik. Projek ini berkonsepkan 'Nostalgic Flashback' yang mana setiap ruang di dalam kafe ini akan mengimbas kembali era-era 50an hingga 70an serta menerapkan imej yang bersesuaian dengan gaya hidup skuteris. Secara keseluruhannya, projek ini merupakan salah satu cara untuk mewujudkan imej kafe yang menonjolkan gaya hidup klasik peminat-peminat skuter dan mampu mengimbas kembali era klasik dan gaya hidup pada masa itu.

BAB 1.0 PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Skuter klasik merupakan salah satu pengangkutan yang masih digemari oleh segolongan pihak. Ianya bukan sahaja dijadikan sebagai salah satu sumber pengangkutan, malah, turut dianggap sebagai hobi dan juga mampu mengubah individu terutama pemilik skuter klasik dalam aspek penampilan serta gaya hidup. Berbanding dengan pengangkutan dua roda lain, skuter klasik merupakan pengangkutan berkos rendah dan mudah dioperasi. Ia dikenali sebagai sebuah pengangkutan ringan. Bagi sesetengah golongan obsesi yang terdiri dari pelbagai peringkat umur termasuklah dari golongan remaja belasan tahun hingga ke golongan tua, masih memelihara dan menghargai nilai-nilai antik dan estetik yang ada pada skuter-skuter klasik.

Oleh itu, bagi semester terakhir Diploma Rekabentuk Dalaman ini, saya telah memilih untuk membuat sebuah kafe yang juga berfungsi sebagai pusat berkumpul untuk golongan sasaran saya iaitu pencinta skuter klasik. Saya memilih skuter keluaran Lambretta sebagai aset penting dalam projek ini kerana ianya merupakan antara skuter terawal dan paling diminati.

Skuter keluaran Lambretta adalah satu produk berasal dari Itali yang mula tercipta pada tahun 1948 dan pengasasnya ialah Ferdinando Innocenti. Skuter Lambretta telah lama memasuki pasaran tanahair semenjak tahun 1960an lagi. Kini, skuter Lambretta bersama keluaran skuter klasik yang